

10 SEP 2000

Lee-Mahathir/I

BANYAK KEMAJUAN DENGAN MAHATHIR, KATA LEE

SINGAPURA, 10 Sept (Bernama) -- Bapa pengasas Singapura Lee Kuan Yew berkata walaupun beliau mempunyai perbezaan pendapat dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi beliau (Lee) menyelesaikan banyak masalah hubungan dua hala dengan Dr Mahathir berbanding pemimpin Malaysia yang terdahulu.

Dalam jilid kedua memoirnya yang akan dilancarkan pada 16 Sept, Lee berkata Dr Mahathir mempunyai ketegasan dan sokongan politik untuk meningkatkan kepentingan negara.

"Walaupun terdapat perbezaan antara saya dengan beliau, Saya membuat banyak kemajuan dalam menyelesaikan masalah hubungan dua hala dengan Mahathir selama sembilan tahun beliau menjadi perdana menteri, dari tahun 1981 hingga 1990, berbanding 12 tahun sebelumnya semasa Tun (Abdul) Razak dan (Tun) Hussein Onn sebagai perdana menteri," kata Lee.

Lee menjadi perdana menteri negara itu dari tahun 1965 hingga 1990, dan sekarang sebagai menteri kanan.

Lee berkata Dr Mahathir, yang pernah mengumumkan penggal terakhir perkhidmatannya, mempunyai masa untuk menyediakan pengganti yang mampu menzahirkan wawasannya, Malaysia sebagai sebuah negara moden dan berteknologi tinggi dalam tahun 2020.

Petikan daripada jilid kedua memoir bertajuk "Dari dunia ketiga kepada yang Pertama", disiarkan oleh akhbar the Sunday Times di sini.

Lee berkata Dr Mahathir telah mengeluarkan Melayu daripada obskurantisme dan membuka minda generasi muda Melayu dengan wawasan yang berasaskan sains dan teknologi dengan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Majoriti masyarakat Melayu, kesemua masyarakat Cina dan India mahukan masa depan ini, bukan amalam agama yang melampau," kata Lee.

Bagaimanapun, keputusan pilihan raya umum di Malaysia tahun lalu, yang mana Dr Mahathir menang, tetapi kalah dalam dua negeri, nampaknya bercanggah dengan pandangannya, dan beliau tidak pasti sama ada ia disebabkan perubahan ke arah masyarakat yang lebih Islamik, kata Lee.

Beliau berkata dalam tahun 1978, beliau mempelawa Dr Mahathir ke Singapura untuk mengetepikan perbezaan kerana beliau menjangkakan Dr Mahathir akan menggantikan Tun Hussein sebagai perdana menteri.

Lee berkata beliau telah bertukar-tukar pendapat dengan Dr Mahathir untuk menjernihkan keraguan, Dr Mahathir secara berterus terang bertanya mengapa Singapura membangunkan angkatan tenteranya.

"Saya juga menjawab dengan berterus terang bahawa kami bimbang pada ketika-ketika tertentu nanti berlaku tindakan yang tidak diinginkan seperti pemberhentian bekalan air, yang mana ia pernah dibangkitkan apabila berlaku perbezaan pendapat antara kita," katanya.

Lee berkata Dr Mahathir membangkitkan bahawa semasa beliau seorang pelajar perubatan di Singapura beliau telah meminta seorang pemandu taksi berbangsa Cina untuk menghantar beliau ke rumah seorang kawan, tetapi pemandu itu menghantar beliau ke kuarters orang gaji.

"Ia adalah suatu kejadian yang beliau tidak dapat lupakan. Cina Singapura memandang rendah terhadap Melayu," kata Lee yang mendapati Dr Mahathir adalah berbeza daripada ketiga-tiga perdana menteri Malaysia sebelumnya -- Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein, yang berketurunan bangsawan.

"Seperti saya, Dr Mahathir adalah orang biasa -- seorang doktor

perubatan yang profesional dan ahli politik. Saya percaya saya telah dapat memuaskannya hati beliau bahawa saya tidak mempunyaim muslihat lain, bahawa saya mahukan hubungan seperti hubungan perniagaan.

Lee juga mengingatkan kembali satu kejadian yang membezakan Dr Mahathir daripada para pemimpin sebelumnya, apabila beliau meminta menteri dan pegawai kerajaan belajar daripada Singapura.

"Tidak ada perdana menteri atau menteri Malaysia secara umum pernah berkata mereka perlu belajar daripada Singapura; Mahathir tidak mempunyai sifat seumpama itu. Sikap terbuka beliau untuk belajar daripada kejayaan seseorang, yang ingin dicontohi di Malaysia, membezakan beliau daripada para pemimpin sebelumnya.

Beliau telah menyuarakan kepada Dr Mahathir beliau mahu hubungan dua hala yang kukuh supaya masalah dapat diselesaikan, dan sebagai balasan Dr Mahathir berkata beliau mahukan hubungan yang jujur dan adil.

Pendekatan Mahathir terhadap Singapura adalah pragmatik dan menghasilkan hubungan yang lebih baik, katanya.

"Sikap tidak puas hati terhadap Singapura selalu membuatkan pemimpin Melayu cuba mendapatkan populariti daripada penyokong akar umbi dengan membidas Singapura, lebih memburukkan kerajaan Malaysia mengambil sikap yang menyakitkan Singapura," katanya.

Lee menyebut berkaitan bantahan di Malaysia semasa lawatan perdana menteri Israel ke Singapura pada tahun 1986, yang mana Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura telah dipanggil pulang.

Satu lagi tindakan ialah keputusan Malaysia pada tahun 1984 untuk mengenakan cukai terhadap semua kenderaan barangan dari Singapura.

-- BERNAMA

TCL RI